

**PROMOSI MELANCONG, BELANJA & SIMPAN**

Kemas kini terakhir pada 30 Oktober 2024 ([English Version](#))

**TEMPOH PROMOSI**

"Promosi Melancong, Belanja & Simpan" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 1 November 2024 dan berakhir pada 28 Februari 2025 ("**Tempoh Promosi**"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan dimaklumkan sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("**Terma & Syarat**"):

**KELAYAKAN**

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang sedia ada dan baharu ("**Pelanggan**") yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:
  - Pemegang Akaun Sertaaan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2 di bawah); dan
  - Pemegang Akaun Kad Debit HLB/Kad Debit-i HLISB yang dipautkan kepada Akaun Sertaaan.Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang mempunyai akaun bersama tidak layak untuk menyertai Promosi ini.
- "**Akaun Sertaaan**" untuk Promosi ini adalah seperti berikut yang mempunyai Dompot Pelbagai Mata Wang:
  - Akaun HLB Pay&Save;
  - Akaun HLISB Pay&Save-i;
  - Akaun HLB Wallet Account; dan
  - Akaun HLISB Wallet-i.
- Pelanggan yang pada masa lalu telah melakukan atau sedang disyaki melakukan apa-apa perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi atau telah melanggar mana-mana Terma & Syarat di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, dan terma dan syarat yang terpakai untuk Akaun Sertaaan, Terma & Syarat Kad Debit/Kad Debit-i dan Terma & Syarat untuk Penggunaan HLB Connect (secara kolektif dirujuk sebagai "**Terma dan Syarat Yang Dikenakan**") dan/atau mana-mana undang-undang yang terpakai termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Notis Dasar Pertukaran Asing ("**Undang-undang Yang Dikenakan**") **TIDAK** layak untuk menyertai dan/atau akan hilang kelayakan serta-merta daripada menyertai Promosi ini.

**KAEDAH PROMOSI**

- Pelanggan dikehendaki menggunakan Kad Debit HLB/Kad Debit-i HLISB mereka yang dipautkan ke Dompot Pelbagai Mata Wang Akaun Sertaaan untuk melakukan Transaksi Layak (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah Klausa 5) semasa Tempoh Promosi untuk layak mendapat Pulangan Tunai yang disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah ("**Pelanggan Layak**").

**Jadual 1**

<b>Kategori Transaksi Layak</b>	<b>Pulangan tunai setiap transaksi</b>	<b>Had pulangan tunai setiap transaksi</b>
Pembayaran Dalam Kedai Luar Negara	2%	RM10
Pengeluaran ATM Luar Negara	100%	RM30

Untuk tujuan Transaksi Layak, mata wang layak yang tersedia untuk Dompot Pelbagai Mata Wang adalah terhad kepada AUD, CAD, EUR, GBP, HKD, JPY, NZD, SAR, SGD, THB, dan USD.

5. Definisi "Transaksi Layak"

**Jadual 2**

Kategori Transaksi Layak	Definisi
Pembayaran Dalam Kedai Luar Negara	Merujuk kepada mana-mana pembelian <b>runcit</b> di luar negara dalam kategori Membeli-belah, Menjamu Selera & Melancong (seperti yang ditakrifkan di bawah <b>Klausu 7</b> ) yang telah berjaya dicaj ke Dompot Pelbagai Mata Wang Akaun Sertaan.
Pengeluaran ATM Luar Negara	Merujuk kepada pengeluaran tunai di luar negara melalui Mesin Juruwang Automatik (" <b>ATM</b> ") yang telah berjaya dicaj ke Dompot Pelbagai Mata Wang Akaun Sertaan.

Pelanggan diingatkan untuk mempunyai baki mata wang asing yang mencukupi dalam Akaun Sertaan mereka agar sebarang Transaksi Layak yang dilakukan boleh ditolak daripada Dompot Pelbagai Mata Wang Akaun Sertaan.

Transaksi Layak **tidak termasuk** yang berikut:

- transaksi yang dikembalikan, dipertikaikan, tidak berjaya, dibatalkan, tidak dibenarkan, melibatkan penipuan atau yang menyalahi undang-undang; dan
  - apa-apa bentuk yuran, kos dan caj untuk perkhidmatan dan yuran, kos dan caj lain yang dikenakan oleh atau ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Akaun Sertaan dan Kad Debit HLB/Kad Debit-HLISB.
6. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, semua Transaksi Layak mesti disiarkan selewat-lewatnya lima (5) hari dari tarikh Transaksi Layak dilakukan untuk membolehkan Pelanggan Layak memperoleh Pulangan Tunai. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penyerahan dan/atau pemprosesan Transaksi Layak oleh Visa International Incorporated, pertubuhan peniaga, atau mana-mana pihak yang boleh menyebabkan Pelanggan Layak digugurkan daripada Promosi ini.
7. "**Membeli-belah, Menjamu Selera & Melancong**" merujuk kepada sebarang pembelian runcit yang dikategorikan di bawah Kod Kategori Pedagang ("**MCC**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah (termasuk arahan tetap) yang mengurus niaga di luar negara yang telah berjaya dicaj ke Dompot Pelbagai Mata Wang Akaun Sertaan.

**Jadual 3**

Kategori Perbelanjaan	Kod Kategori Pedagang (MCC)
<b>Membeli-belah</b> (Membeli-belah Runcit, e-Dompot, Farmasi & Barangan Runcit)	4468, 4812, 4816, 5013, 5044, 5045, 5094, 5122, 5192, 5193, 5198, 5200, 5211, 5231, 5251, 5261 – 5262, 5271, 5309, 5310, 5311, 5331, 5399, 5411, 5422, 5441, 5451, 5462, 5499, 5531 - 5533, 5611, 5621, 5631, 5641, 5651, 5655, 5661, 5681, 5691, 5698, 5699, 5712 – 5714, 5719, 5722, 5732 – 5735, 5815 – 5818, 5912, 5921, 5931 – 5933, 5935, 5937, 5940 – 5950, 5962, 5970 – 5973, 5975 – 5977, 5992 – 5999, 6540, 7230, 7296, 7298, 7542, 7622, 7631, 7832, 7841, 7911, 7922, 7929, 7932, 7933, 7941, 7991 – 7999, 8044
<b>Menjamu Selera</b> (Tempat Makan, Restoran, Bar, Kedai Minuman, Lounge & Katerer)	5811, 5812, 5813, 5814
<b>Melancong</b> (Agensi Pelancongan, Hotel & pembelian tiket penerbangan)	3000 – 3308, 3351 – 3355, 3357, 3359 – 3362, 3364, 3366, 3368, 3370, 3374, 3376, 3380 – 3381, 3385 – 3391, 3393, 3395 – 3396, 3398, 3400, 3405, 3409, 3412, 3414, 3420, 3421, 3423, 3425, 3427 – 3439, 3441, 3501 – 3838, 4511, 4722, 4723, 7011, 7512, 7513, 7519

**PEMENUHAN PROMOSI**

8. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan Pelanggan Layak dalam Ringgit Malaysia ("**RM**") sebelum atau pada Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai berdasarkan Tempoh Tarikh Transaksi Layak Direkod seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4 di bawah berdasarkan siapa cepat dia dapat.

**Jadual 4**

<b>Tempoh Tarikh Transaksi Layak Direkod</b>	<b>Tarikh Pemenuhan Pulangan tunai</b>	<b>Peruntukan Pulangan Tunai Bulanan</b>	<b>Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai</b>
1 – 30 November 2024	Sebelum atau pada 3 Januari 2025	RM12,500	RM50,000
1 – 31 Disember 2024	Sebelum atau pada 31 Januari 2025	RM12,500	
1 – 31 Januari 2025	Sebelum atau pada 28 Februari 2025	RM12,500	
1 – 28 Februari 2025	Sebelum atau pada 31 Mac 2025	RM12,500	

9. Bagi melayakkan diri untuk Pulangan Tunai, Jumlah Pulangan Tunai yang diperolehi bagi setiap akaun dalam setiap Tempoh Tarikh Penyiaran Transaksi Layak mestilah bernilai sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Satu (RM1).

*Sebagai contoh*, jika Pelanggan Layak membelanjakan 80 Thai Baht (THB) di Thailand antara 1 – 30 November 2024 untuk Pembayaran Dalam Kedai Luar Negara, Pulangan Tunai 2% ialah 1.60 THB, yang bersamaan dengan kira-kira RM0.21. Oleh kerana jumlah ini kurang daripada RM1.00, Pulangan Tunai dianggap tidak dipenuhi. Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan jika jumlah keseluruhan, setelah ditukar kepada Ringgit Malaysia, adalah RM1.00 atau lebih.

10. Pulangan Tunai akan diberi berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (tarikh dan/atau masa Malaysia) yang direkodkan dalam rekod Bank. Sekiranya terdapat beberapa Transaksi Layak yang dilakukan oleh beberapa Pelanggan Layak pada tarikh dan/atau masa yang sama, Pulangan Tunai akan diberikan kepada Pelanggan Layak dengan jumlah Transaksi Layak tertinggi yang direkodkan dalam sistem Bank.
11. Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai untuk Promosi ini dihadkan pada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dengan Peruntukan Pulangan Tunai Bulanan dihadkan pada Ringgit Malaysia Dua Belas Ribu Lima Ratus (RM12,500) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4 di atas. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Pelanggan Layak sekiranya Peruntukan Tunai Bulanan dan/atau Jumlah Pulangan Tunai mencapai hadnya.
12. Sekiranya Peruntukan Pulangan Tunai Bulanan yang dinyatakan dalam Jadual 4 di atas untuk Tempoh Tarikh Transaksi Layak Direkod tidak dipenuhi, baki yang selebihnya akan dibawa ke Tempoh Tarikh Transaksi Layak Direkod seterusnya.
13. Sekiranya Pulangan Tunai tidak dikreditkan pada atau sebelum Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4 di atas, Pelanggan Layak hendaklah memaklumkan kepada Bank dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai tersebut, jika gagal Pelanggan Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai.
14. Bagi tujuan **pengiraan Pulangan Tunai**, Bank akan menukar dan mengira Transaksi Layak dalam RM berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank pada masa transaksi direkodkan dalam sistem Bank. Jumlah sebenar Transaksi Layak yang dilakukan akan ditolak daripada Dompot Pelbagai Mata Wang Akaun Sertaan.

15. Pada masa pengkreditan Pulangan Tunai, Akaun Sertaan Pelanggan Layak **MESTI** kekal sah/aktif dan dalam kedudukan yang baik sehingga Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai dan Pelanggan Layak tidak boleh melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang Dikenakan dan Undang-undang yang Dikenakan, jika gagal kelayakan Pelanggan Layak akan dibatalkan secara automatik daripada Promosi ini dan daripada menerima Pulangan Tunai.
16. Semua kos pengangkutan, penginapan, peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang ditanggung dalam menyertai Promosi ini adalah tanggungjawab Pelanggan Layak sepenuhnya.
17. Pelanggan Layak hendaklah memikul liabiliti dan tanggungjawab penuh sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) akibat daripada penyertaan mereka dalam Promosi, penebusan dan/atau penggunaan Pulangan Tunai dan bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan Bank daripada sebarang liabiliti.

## **UMUM**

18. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:
  - (a) mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Yang Dikenakan dan Undang-undang Yang Dikenakan;
  - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah tepat, muktamad dan mengikat Pelanggan;
  - (c) bersetuju untuk mengakses laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my/](http://www.hlb.com.my/) dan laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara berkala untuk melihat T&S dan memastikan untuk sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - (d) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau faedah dalam barangan; dan
  - (e) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang dikenakan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
19. Bank berhak:
  - (a) untuk menambah, membatalkan, menggantung atau mengubah T&S yang disenaraikan di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, atau untuk menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan penambahan, pembatalan, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di Laman Sesawang Bank dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan; dan
  - (b) untuk melucutkan dan menarik balik mana-mana Pulangan Tunai yang dibayar sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S Promosi ini dan/atau Terma dan Syarat Yang Dikenakan.
20. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat Yang Dikenakan akan dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
21. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang ditetapkan di sini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
22. T&S Promosi ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
23. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

**PERINGATAN:**

Operasi, sumber dan penggunaan dana ke dan dari akaun yang didayakan MCF akan ditadbir mengikut Aset Pelaburan Mata Wang Asing ("IFCA") di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

**Produk Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.**

**Ahli PIDM. Akaun Penyertaan dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk kepada [Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#) ).**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat ini dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.

If you have any enquiries regarding these T&Cs and/or require a copy of the Bahasa Malaysia version, please email us at [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) or call 03-7626 8899.